

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 5 OGOS 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 13

### Sebahagian besar rakyat dibayar gaji rendah - Rafizi

## Sebahagian besar rakyat dibayar gaji rendah - Rafizi

**PUTRAJAYA** - Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli melahirkan rasa kebimbangan apabila Laporan Statistik Upah Pekerja Sektor Formal Suku Tahun 2023 menunjukkan sebahagian besar rakyat dibayar gaji yang rendah.

Menurutnya, sebanyak 82 peratus daripada 6.46 juta pekerja formal bergaji kurang dari RM5,000 sebulan manakala 35 peratus dibayar RM2,000 ke bawah.

"Sekiranya tiada dasar campur tangan dalam penentuan gaji, kami bimbang kecenderungan gaji permulaan tidak akan jauh beza dengan gaji minimum sekarang RM1,500," katanya.

Beliau berkata, gaji permulaan untuk pekerja lepasan ijazah sepatutnya lebih tinggi bagi menjarakkan daripada gaji minimum.

"Gaji minimum RM1,500 ini adalah sebenarnya untuk pekerja yang tidak berkemahiran," ujar beliau.

Jelas Rafizi, berdasarkan statistik dapatkan awal menunjukkan ia sebenarnya mengherot ke bawah merapat gaji minimum.

"Paras gaji minimum itu telah diguna sebagai rujukan untuk membayar terutama lepasan ijazah dan

pekerja berkemahiran yang muda," jelasnya.

Menurut beliau, fenomena tersebut memerlukan dasar segera untuk diperbetulkan.

"Kita yakin memang ada masalah gaji. Ia bukan cakap-cakap saja. Sekarang ia boleh disahkan oleh data lebih enam juta pekerja," menurutnya.

Ujar Rafizi, mesyuarat Dasar Gaji Progresif Isnin ini akan membentangkan jalan tengah yang boleh dilaksana secara praktikal selain mendapat sokongan majikan.

"Terdapat banyak model yang berlainan mengikut negara tertentu dan pihak majikan telah memberi maklum balas menerusi sesi libat urus sebelum ini," katanya.

Tambah beliau, kerajaan perlu memperuntukkan sejumlah wang setiap tahun untuk kenaikan gaji khususnya sektor swasta.

"Sebelum ini kerajaan hanya menaikkan gaji sektor awam dan swasta tidak dapat apa-apa kerana tiada sebarang dasar.

"Ia memerlukan satu persetujuan oleh kerajaan untuk membuat peruntukan setiap tahun dan ini akan dibincangkan," tambahnya.